

19 JUN 1998

Ghafar-Ekonomi

LIMA ANGGOTAI J/KUASA PERUNDINGAN VETERAN UMNO

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Bekas Timbalan Presiden UMNO, Tun Ghafar Baba hari ini berkata lima nama telah dicadangkan kepada parti bagi menganggotai Jawatankuasa Perundingan Veteran UMNO untuk menasihati pucuk pimpinan parti mengenai pelbagai isu termasuk ekonomi.

Mereka ialah Tan Sri Ghazali Shafie, Tan Sri Aishah Ghani, Tan Sri Abdul Samad Idris, Ibrahim Azmi serta Ketua Penerangan UMNO Datuk Dr Yusuf Nor, sebagai pegawai dari ibu pejabat dan beliau sendiri sebagai Pengerusi.

Nama-nama itu telah diberikan kepada Setiausaha Agung parti Datuk Sabbaruddin Chik yang akan menyerahkannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya ketika ditemui selepas perasmian Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini. Perhimpunan Agung Ke-52 itu dirasmikan Presiden UMNO Dr Mahathir.

Ghafar yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri berkata beliau yang memilih mereka untuk menganggotai jawatankuasa itu tanpa melibatkan Dr Mahathir.

Beliau juga menolak tanggapan sesetengah pihak bahawa veteran UMNO telah diminta membantu Dr Mahathir dalam menyelesaikan masalah kegawatan ekonomi negara bagi membantunya mengekalkan jawatannya.

Malah beliau berkata perjumpaan veteran UMNO dengan Dr Mahathir pada 13 Jun lepas adalah atas inisiatif beliau sendiri dan bukan atas permintaan Perdana Menteri.

"Inisiatif itu datang dari saya, saya sanggup membantu kerajaan untuk menangani kegawatan ekonomi tetapi saya tidak boleh melakukannya seorang diri dan saya fikir orang lama yang ada pengalaman, banyak masa dan tidak ada kerja boleh membantu," katanya.

Beliau berkata beliau yang menjemput Perdana Menteri hadir dan menjelaskan dasar kerajaan supaya memberi panduan kepada para veteran.

Pada perjumpaan itu kira-kira 300 orang veteran UMNO diberi penerangan mengenai masalah ekonomi yang melanda negara supaya mereka boleh membantu menjelaskannya kepada orang ramai.

-- BERNAMA

NHD oba